

# Cabaran abad ke-21 tuntutan KL, Jakarta pererat kerjasama

Tahun ini secara rasminya genap 60 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia. Tiada siapa mampu menafikan bahawa kedua-dua negara sudah sekian lama mencorakkan perjalanan peradaban dunia di bawah panji-panji berbeza seperti Sriwijaya, Majapahit, Melaka, Johor, Perlak, Pasai, dan kerajaan Melayu seterusnya.

Baru-baru ini, Majlis Perundingan Tahunan Malaysia-Indonesia Ke-12 di Kuching berhasil mencatatkan beberapa perkembangan signifikan dalam hubungan dua negara. Namun, ada tiga peringkat cabaran yang perlu diharungi Putrajaya dan Jakarta bagi meletakkan peradaban Melayu-Nusantara sebagai antara kuasa peneraju geopolitik sejagat abad ke-21. Peringkat cabaran itu ialah peringkat bilateral Malaysia-Indonesia, peringkat Asia Pasifik dan seterusnya peringkat global.

Umumnya, isyarat cukup positif ditunjukkan dalam Majlis Perundingan Tahunan Malaysia-Indonesia Ke-12. Dari isu persempadanan, komitmen perdagangan, tenaga

kerja Indonesia di Malaysia, ancaman keganasan dan beberapa isu lagi diberi perhatian sewajarnya.

## Tekanan Kesatuan Eropah ke atas hasil sawit

Paling menarik perhatian pastilah dua keputusan yang cukup kritikal buat kesejahteraan kedua-dua negara dalam dua sektor utama, iaitu perikanan dan perladangan kelapa sawit. Nelayan kedua-dua negara yang sedang ditahan akan dibebaskan atas dasar manusiawi yang mana mereka dikenal pasti sebagai tonggak keluarga yang rata-ratanya berpendapatan rendah.

Dalam menghadapi tekanan Kesatuan Eropah ke atas hasil sawit kedua-dua negara pula, Najib dan Jokowi bersetuju menghantar desakan bersama bagi menepis propaganda antisawit yang sedang dominan di Eropah. Hal ini tentunya melegakan keresahan lebih dua juta warga peladang sawit di kedua-dua negara.

Walau bagaimanapun, hubungan bilateral Malaysia-Indonesia perlu dimantapkan lagi dalam mengharungi arus geopolitik abad

ke-21. Perlu diakui bahawa nilai dagangan Malaysia dan Indonesia pada waktu ini adalah membe-rangsangkan.

Walau bagaimanapun, dari segi strategiknya Indonesia secara unilateral melancarkan gagasan 'Poros Maritim Dunia' dengan langkah seperti memulakan usaha memajukan industri maritim dan pelabuhan di seluruh Indonesia, menukar nama bahagian Zon Ekonomi Eksklusifnya di Laut China Selatan kepada Laut Natuna Utara, dan seterusnya menenggelamkan kapal nelayan asing.

Malangnya, gagasan nasional yang dilakar Jokowi ini dilihat lebih banyak disokong motivasi politik dan modal luar seperti China berbanding jiran serumpun. Keadaan ini seharusnya menuntut Malaysia untuk hadir dengan Dasar Maritim yang tersendiri agar dapat mengiringi usaha Indonesia ini dan tidak hanya membiarkan kuasa luar seperti Beijing yang lebih terkehadapan.

Dari perspektif cabaran peringkat Asia Pasifik pula, realiti kepesatan ekonomi dan politik serantau yang sedang bangkit di peta

dunia jelas menuntut perancangan luar kelaziman di antara Malaysia dan Indonesia.

Secara strategiknya, kedudukan Selat Melaka yang dikongsi sebahagian besarnya secara bersama oleh Malaysia-Indonesia telah sekian lama menjadi gerbang buat laluan dagang dan tenaga Asia Timur dan Asia Tenggara dengan Asia Selatan, Asia Barat dan seterusnya Eropah.

## Cabaran integrasi komuniti ASEAN

Walau bagaimanapun, kebangkitan modal dan kuasa ketenteraan China bakal mengubah landskap geopolitik Pasifik pada masa akan datang. Inisiatif Jalur dan Jalan dengan projek raksasa Laluan Sulara Maritim abad ke-21 Beijing menjanjikan cabaran buat integrasi komuniti ASEAN secara umumnya.

Langkah berterusan Beijing membina pulau buatan lengkap dengan kelengkapan ketenteraan di Laut China Selatan pula bakal beri dilema keselamatan dengan ketidaktentuan pada masa akan datang.

Dari segi cabaran pada peringkat global pula, perlu diakui peranan Malaysia-Indonesia masih banyak yang perlu diperkukuhkan agar menjadi suara lebih dihormati.

Dalam konteks kelesuan institusi antarabangsa kontemporari seperti PBB, OIC, NAM, bahkan ASEAN sendiri seperti dalam kes penghapusan etnik Rohingya di Myanmar, mekanisme kuasa baharu seperti kerjasama dua negara (G-2) Malaysia dan Indonesia sewajarnya diperkasakan dan diperluaskan.

Apatah lagi dalam konteks gelora perseteruan Arab Saudi-Iran di rantau Asia Barat pada masa kini, manakala Turki pula bergelut dengan isu Kurdis serta Syria dan Iraq pula dengan Daesh, Malaysia dan Indonesia tiada pilihan lain melainkan memesatkan kerjasama atas dasar kesederhanaan dan mengambil tempat yang selayaknya di pentas global dan juga Dunia Islam.